

# HS20 anjur Kejohanan Tenpin Bowling Kota Kinabalu

UB 21.11.2019 15

## KOTA KINABALU:

Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Kelab Sains Sukan (HS20) dengan kerjasama Kelab Boling UMS yang diketuai oleh Awang Suhaizam Bongsu menganjurkan Kota Kinabalu Tenpin Bowling Tournament in conjunction with UMS 25th Anniversary yang bermula pada 16 Oktober dan berakhir pada 16 November lalu.

Kejohanan ini diadakan di CPS Bowl, Tingkat 8, Centre Point, Kota Kinabalu.

Komitmen, semangat dan kerjasama yang ditunjukkan oleh ahli-ahli Kelab Sains Sukan (HS20) dengan kerjasama Kelab Boling UMS dalam menganjurkan Kota Kinabalu Tenpin Bowling Tournament 2019 menerima pujian kerana berjaya membawa bersama lebih daripada 100 peserta tempatan dan luar yang layak masuk ke perlawanan akhir.

Lebih menarik lagi, kejohanan ini turut disertai oleh pemain-pemain boling daripada Pasukan Malaysia dan negeri Sarawak.

Kejohanan ini menawarkan hadiah wang tunai sebanyak RM53,520 iaitu mengikut kategori (Graded). Empat kategori tersebut adalah kategori Open, kategori Graded A, kategori Graded B dan kategori Belia.

Hadiyah utama kejohanan ini adalah dalam kategori open iaitu menawarkan hadiah individu johan sebanyak RM10,000.

Pengarah Program Frido Angela Jafry berkata, kejohanan ini adalah yang pertama dianjurkan oleh kelab dengan kerjasama Kelab Boling UMS dan mendapat sambutan menggalakkan terutamanya dari



**PEMENANG:** Sesi bergambar bersama pemenang bagi kategori Open.

peminat boling tempatan dan dari luar.

"Penganjuran kali ini bersempena dengan ulang-tahun UMS ke-25 tahun iaitu sejak 1994 penubuhannya. Melalui penglibatan peserta, kami membantu mempromosikan UMS kepada masyarakat," katanya.

Haridz Adlan muncul juara dengan purata jatuhan pin sebanyak 217 mata daripada lapan permainan dalam kategori Youth Masters Final yang diadakan pada 12 November dan membawa pulang wang tunai sebanyak RM2,000, naib johan Siti Nurzulaikha dan tempat ke-3 dimenangi Sushanor Sihanor yang juga merupakan pelajar UMS.

Bagi Kategori Graded B Masters Final yang diadakan pada 13 November, johan dimenangi oleh Faizal Bin Ali dengan purata jatuhan pin sebanyak 194 mata daripada lapan permainan dan membawa pulang wang

tunai kemenangan sebanyak RM 3,500, naib johan jatuh kepada Spancer Soo dan tempat ketiga dimenangi Rachel F.

Bagi kategori Graded A Masters Final yang diadakan pada 14 November, johan dimenangi oleh Hazizul Mohamed, dengan purata jatuhan pin sebanyak 204 mata daripada lapan permainan dan membawa pulang wang tunai sebanyak RM 6,500, naib johan Haddy Hussin dan tempat ke-3 dimenangi Sharifah Nadia.

Manakala dalam kategori Open Masters Final yang berlangsung pada 16 November, johan menjadi milik salah seorang Pasukan Malaysia, Nevern Nata-neel dan membawa wang tunai kemenangan sebanyak RM10,000 mengatasi rakan sepasukannya Nurul Ayunni Junaidi dalam saingan Step Ladder dengan jatuhan pin sebanyak 232 mata, naib johan Nurul

Ayunni Junaidi kedua-dua pemain ini berasal daripada Sabah dan tempat ke-3 juga dimenangi pasukan Malaysia iaitu Gillian Lim.

Majlis penyampaian hadiah pada petang itu telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri di Kementerian Dalam Negeri Dato' Mohd Azis Jamian merangkap Ahli Parlimen Sepanggar.

Turut hadir pada majlis penutupan adalah Prof Madya Dr. Raman Nordin, Dekan Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Perakaunan selain Agnis Sombuling, Timbalan Dekan (Akademik dan Antara-bangsa) mewakili Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Dr. Mohamad Nizam Nazarudin selaku Pengetua, Kolej Kediaman Tun Mustapha dan merangkap pensyarah Program Sains Sukan serta Ketua, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Kamisah Husin.

Kamisah selaku penasihat kepada Kelab Sains Sukan mengucapkan tahniah kepada para pemenang kejohanan ini dan syabas kepada 40 orang pelajar dari Program Sains Sukan yang diketuai oleh Frido Angela Jafry pelajar Tahun 3 kerana berjaya menganjurkan kejohanan peringkat kebangsaan seperti ini.

Moga dengan adanya kejohanan berimpak tinggi seperti ini dapat memberi peluang kepada pelajar dan kakitangan UMS serta peserta daripada Sabah untuk menimba pengalaman beraksara dan bersaing dalam platform yang sama dengan peserta dari luar Sabah khususnya dari pasukan Malaysia Youth dan Malaysia Elite.



**PEMAIN MALAYSIA:** Pemain Pasukan Malaysia bersama dengan Ahli Jawatankuasa Pelaksana Kejohanan Tenpin Bowling Kota Kinabalu 2019.